- 24. (i) Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang dibekalkan oleh Bank, apa-apa perubahan atau pindaan kepada:
 - jumlah-jumlah pembayaran atau had pembayaran;
 - cara pembayaran; dan/atau
 - tempoh masa berkala untuk bayaran;
 untuk arahan-arahan tetap atau bayaran berkala dan tertakluk kepada Klausa 27 di bawah, Pelanggan mengakui bahawa perubahan-pengubahan atau pindaan-pindaan tersebut hendaklah berkuatkuasa 1 minggu dari penerimaan notis tersebut oleh Bank.
- (ii) Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara untuk menamatkan arahan-arahan tetap atau bayaran berkala untuk bayaran-bayaran masa hadapan pada bila-bila masa, melalui notis bertulis kepada Pelanggan atau selepas menerima pengesahan bertulis daripada penerima bayaran yang dinamakan di dalam arahan-arahan tetap atau bayaran berkala bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan.
- (iii) Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan tetap atau bayaran berkala akan dilaksanakan atas syarat bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk segala bayaran yang tidak dibuat kerana ketidak-cukupan dana-dana.
- (iv) Jika arahan-arahan tetap atau bayaran berkala diberikan untuk satu pembayaran terhad, Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan jumlah-jumlah yang dikenakan oleh penerima bayaran, dan apa-apa pertikaian ke atas jumlah-jumlah hendaklah diselesaikan oleh Pelanggan secara terus dengan penerima bayaran.

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Aku Janji
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
6. Operasi Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. "Memahami Pelanggan Anda"
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkinan Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan kad ATM
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Edisi Oktober 2018)

Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik

25. Di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik:

"**Bayaran Otomatik**" bermakna sejumlah bayaran-bayaran yang menggunakan sistem yang berdasarkan angka.
 "**Bayaran Masuk Otomatik**" bermakna bayaran-bayaran kepada Pelanggan menggunakan Bayaran Automatik.

"**Bayaran Keluar Otomatik**" bermakna bayaran-bayaran oleh Pelanggan yang menggunakan Bayaran Automatik.

"**Perkhidmatan Bayaran Otomatik**" bermakna samada Bayaran Masuk Otomatik atau Bayaran Keluar Otomatik.

(i) Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan Bayaran Otomatik adalah bergantung kepada sistem yang berdasarkan angka dan maka Bank tidak mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa akaun/nama-nama penerima bayaran yang diberikan oleh Pelanggan adalah sama atau berdekatan dengan nama-nama akaun di dalam rekod-rekod Bank, dan bersetuju bahawa pemindahan kepada atau daripada satu akaun yang mempunyai nombor yang sama seperti yang yang diberikan oleh Pelanggan adalah betul dan secara sepenuhnya melepaskan Bank daripada arahan Pelanggan.

(ii) Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj-caj untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my.

(iii) Pelanggan mengakui bahawa:

- jika tarikh matang untuk satu bayaran terletak pada hari cuti, kemasukan-kemasukan akan diluluskan pada hari perbankkan sebelum hari cuti;
- jika dana-dana di dalam akaun Pelanggan adalah tidak mencukupi untuk 3 kejadian berterusan di bawah Bayaran Keluar Otomatik, atau tiada apa-apa transaksi di bawah Perkhidmatan Bayaran Otomatik untuk 12 bulan secara berterusan, Bank boleh membatalkan arahan-arahan Pelanggan dengan notis terdahulu kepada Pelanggan;
- Perkhidmatan Bayaran Otomatik boleh ditamatkan oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis pendahuluan selama 7 hari kepada Pelanggan.

(iv) Pelanggan mengakui bahawa Bank adalah tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran, kemasukan dan/atau penggunaan dana-dana dan Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan atau liabiliti yang mungkin timbul daripada kerugian atau kelengahan tersebut.

(v) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mana Bank mungkin mengalami akibat daripada melaksanakan arahan-arahan Pelanggan di bawah Perkhidmatan Bayaran Otomatik.

Kedahuluan Bayaran

26. Pelanggan bersetuju bahawa Bank mempunyai budibicara penuh untuk menentukan secara mutlak susunan kedahuluan bayaran dari dana-dana Pelanggan, untuk cek-cek yang dikeluarkan dari akaun Pelanggan atau apa-apa arahan tetap atau bayaran daripada Pelanggan.

Arahan-arahan Pelanggan

27. Pelanggan mengakui bahawa arahan-arahan Pelanggan boleh dilaksanakan walaupun:

- mereka adalah bertentangan dengan atau tidak konsisten dengan arahan-arahan atau mandat-mandat lain yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank; dan/atau
- akaun yang pada masa kini di dalam kredit atau melebihi had, boleh menjadi atau terus menjadi melebihi had sebagai akibatnya.

Di dalam mana-mana kejadian yang disebutkan di atas, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk pendahuluan wang yang diakibatkan daripada itu atau kemudahan-kemudahan kredit yang diwujudkan tertakluk kepada faedah pada kadar yang ditentukan oleh Bank, dan Klausa 2 di atas adalah terpakai. Pelanggan hendaklah memastikan bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun Pelanggan atau membuat penyusunan awal untuk kemudahan-kemudahan kredit untuk memenuhi kesemua arahan bayaran.

Kesemua arahan oleh Pelanggan hendaklah terus berkuatkuasa untuk perlindungan Bank untuk bayaran-bayaran yang dibuat atau arahan-arahan yang dilaksanakan dengan suci hati meskipun terdapat kematian, kebangkrutan atau penggugungan syarikat atau pembatalan mana-mana arahan tersebut melalui apa-apa cara oleh Pelanggan, sehingga notis bertulis bersama dengan dokumen-dokumen yang membuktikan kematian, kebangkrutan atau penggugungan syarikat atau pembatalan tersebut diterima oleh Bank.

Tajuk-tajuk Klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausula-klausula

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Aku Janji
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
6. Operasi Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. "Memahami Pelanggan Anda"
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkinan Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan kad ATM
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Edisi Oktober 2018)

Di Luar Kawalan Bank

28. Pelanggan tidak harus membuat Bank bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pelanggan secara terus atau tidak terus berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan, akibat daripada apa-apa alasan termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau ketidak-fungsian komputer, talian-talian sambungan terminal-terminalnya, sistem-sistem pemrosesan data-data atau talian-talian penghantaran atau mana-mana equipmen samada ianya merupakan hakmilik Bank, percubaan atau tindakan keganasan sebenar, perebakan wabak, tindakan-tindakan Tuhan atau apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank.

Telekomunikasi

29. (i) Tertakluk kepada Klausula 30:

- atas permintaan Pelanggan, Bank adalah diberikuasa untuk melepaskan maklumat berkenaan dengan akaun Pelanggan, kadar-kadar pertukaran atau kadar-kadar faedah (tertakluk kepada pindaan) pada budibicaranya melalui telefon, telex atau faksimili. Maklumat atau kadar-kadar yang diberikan melalui telefon tidak harus terikat ke atas Bank kecuali ianya selanjutnya disahkan oleh Bank secara bertulis;
- Pelanggan memberikuasa kepada Bank untuk menghantar apa-apa maklumat akaun, maklumat-maklumat kemaskini dan peringatan-peringatan berkenaan dengan akaun Pelanggan melalui perkhidmatan sistem mesej pendek ("**SMS**") atau perkhidmatan mesej multimedia ("**MMS**") ke nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Klausula 3, termasuk baki terhutang, baki yang masih sedia ada, had overdraf (jika ada) dan maklumat-maklumat kini yang lain yang mana akan dibekalkan oleh Bank dari masa ke semasa.

(ii) Bank adalah diberikuasa untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas arahan-arahan yang diterima oleh Bank daripada Pelanggan melalui telefon, telefon bimbit (termasuk SMS dan MMS yang dihantar daripada nombor telefon bimbit Pelanggan menurut Klausula 3), telex, faksimili atau cara-cara telekomunikasi lain (dirujuk secara kolektif sebagai "Arahan-arahan Telekomunikasi") dan Pelanggan bersetuju bahawa Bank adalah diberikuasa untuk menganggap mana-mana Arahan Telekomunikasi di dalam budibicara mutlak Bank adalah dipercayai datang dari Pelanggan (selepas mengambil langkah munasabah untuk mengesahkan identiti orang yang memberikannya atau sumber Arahan Telekomunikasi) sebagai diberikuasa penuh oleh Pelanggan dan bergantung dan bertindak ke atasnya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika Arahan Telekomunikasi tersebut bukanlah sebenarnya datang dari Pelanggan.

Meskipun apa yang dinyatakan di dalam Klausula ini, Bank adalah tidak berobligasi untuk menerima dan bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi berkenaan:

- penukaran mandat akaun;
- penukaran penandatanganan-penandatanganan yang diberikuasa;
- pemberian Surat Kuasa kepada orang atau entiti yang lain;
- arahan-arahan bayaran;
- penutupan akaun dan pemindahan baki yang sedia ada.

(iii) Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat jua yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada bertindak ke atas Arahan-arahan Telekomunikasi dalam niat baik, dan Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausula 2 di atas hendaklah terpakai. Gantirugi ini hendaklah berterusan walaupun pembatalan apa-apa kuasa, penamatan apa-apa perkhidmatan dan/ atau penutupan apa-apa akaun.

(iv) Bank boleh di dalam budibicaranya, memperkenalkan langkah-langkah keselamatan selanjutnya untuk memastikan, sejauh mana yang mungkin, bahawa Arahan-arahan Telekomunikasi telah diberikuasa oleh Pelanggan.

(v) Pelanggan boleh membatalkan kuasa di dalam Klausula 29(i)(a) atau (b) dan/atau klausula 29(ii) melalui notis bertulis yang ditandatangani menurut mandat akaun dan memberikannya kepada cawangan akaun.

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Aku Janji
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
6. Operasi Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. "Memahami Pelanggan Anda"
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkinan Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan kad ATM
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Edisi Oktober 2018)

Gantirugi Daripada Pelanggan

30. Pelanggan hendaklah melepaskan Bank daripada kesemua liabilitinya dan membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua kerugian, kerosakan, fi, kos, caj, cukai, duti, levi dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang mana Bank akan menanggung atau membelanjakan dan yang mana telah timbul samada secara terus atau tidak terus berkenaan dengan keadaan-keadaan yang dinyatakan di bawah, dan Bank adalah diberikuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut dan Klausa 2 di atas hendaklah terpakai:
- pengekalan, penggunaan atau penggunaan yang dikatakan perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk atau kemudahan-kemudahan Bank dan/atau Kad, PIN atau kata laluan oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain (Pelanggan hendaklah bertanggungjawab untuk kesemua transaksi-transaksi yang dilakukan sehingga PIN dibatalkan oleh Bank);
 - pemecahan atau ketidak-patuhan Pelanggan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun atau mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai;
 - tindakan kecuai atau peninggalan Pelanggan;
 - Bank menerima arahan-arahan daripada Pelanggan atau yang mana Bank percaya dengan suci hati adalah datang daripada Pelanggan (samada diberikuasa atau tidak) dan bertindak atau gagal untuk bertindak ke atasnya, kecuali akibat daripada kecuai atau frod Bank;
 - perlaksanaan hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau mana-mana dokumen-dokumen berkenaan akaun;
 - apa-apa kelengahan di dalam bayaran atau debit atau kredit ke dalam akaun Pelanggan akibat daripada Klausa 8 dan/atau Klausa 9(i) di atas.
- Gantirugi ini hendaklah berterusan meskipun penamatan apa-apa perkhidmatan dan/atau penutupan mana-mana akaun.

Perbelanjaan Undang-undang

31. Pelanggan bersetuju bahawa:
- kesemua perbelanjaan undang-undang yang dikeluarkan oleh Bank untuk pemulihan apa-apa jumlah-jumlah daripada Pelanggan di bawah mana-mana kemudahan kredit atau akaun hendaklah ditanggung oleh Pelanggan; dan
 - jumlah penghakiman hendaklah dikenakan faedah pada kadar faedah yang pada masa kini terpakai ke atas kemudahan-kemudahan kredit atau akaun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh pembayaran penuh.

Konflik & Peraturan Kedahuluan

32. Jika terdapatnya apa-apa inkonsistensi di antara Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai dan mana-mana dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/ Perkhidmatan, terma-terma & syarat-syarat hendaklah diberi keutamaan (prevail) di dalam aturan seperti berikut: (Sil rujuk kepada Fasal 41 untuk definisi "Perkhidmatan")
- Fasal 8, 10, 14 dan 41 Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini;
 - dokumen-dokumen berkenaan dengan akaun/Perkhidmatan;
 - Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai; dan
 - akhirnya, semua fasal lain Terma-terma & Syarat-syarat Generik ini yang tidak dinyatakan dalam perenggan (a) di atas.

Notis-notis

33. Apa-apa penyata, notis, komunikasi atau tuntutan yang mana cara penghantaran bukanlah seperti yang dinyatakan secara spesifik di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini, Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai atau Terma Piagam pelanggan (yang sedia ada di laman web Bank di www.hsbc.com.my):
- adalah diperuntukkan secara bertulis, boleh diberikan oleh Bank kepada Pelanggan di alamat atau nombor faks Pelanggan menurut Klausa 3 dan Klausa 4(i) di atas melalui:
 - penghantaran sendiri dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; dalam keadaan yang mana notis bertulis tersebut dihantar melalui faksimili, ia hendaklah dianggap telah diterima pada masa penghantaran melalui mesin faksimili.
 - pengeposan biasa/berdaftar (sama ada AR atau bukan AR berdaftar) atau kurier dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada hari ketiga selepas pengeposan atau pada hari ketiga selepas dihantar kepada pembekal perkhidmatan kurier, mengikut mana-mana yang berkenaan, walaupun ia mungkin akan dikembalikan kerana tidak dapat dihantar, atau Bank tidak menerima kad AR yang ditandatangani atau pengakuan penerimaan Pelanggan;
 - faks dan hendaklah dianggap sebagai diterima pada masa penghantaran; atau
 - penampalan di laman web Bank, dan hendaklah dianggap sebagai diterima serta merta selepas penampalan tersebut dibuat oleh Bank.
 - hendaklah diberikan oleh Pelanggan kepada Bank secara bertulis melalui:
 - penghantaran; atau
 - pengeposan;
 ke cawangan akaun, dan hendaklah diterima pada tarikh ianya sebenarnya diterima oleh Bank.

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Aku Janji
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
6. Operasi Akaun Korporat/ Liabiliti Terhad Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. "Memahami Pelanggan Anda"
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkinan Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan kad ATM
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Shariah
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Edisi Oktober 2018)

Tiada Pengabaian & Tiada Penyerahan Hak

34. (i) Tiada tindakan, peninggalan atau kelengahan oleh Bank di dalam melaksanakan apa-apa kuasa, hak atau remedi di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini akan dianggap sebagai pengabaian oleh Bank kecuali pengabaian tersebut adalah disahkan oleh Bank secara bertulis. Pelaksanaan tunggal atau sebahagian oleh Bank ke atas apa-apa kuasa, hak atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan lanjutan atau pelaksanaan kuasa, hak atau remedi yang lain.
- (ii) Pelanggan tidak dibenarkan untuk menyerah hak atau memindahkan mana-mana hak atau obligasi Pelanggan kepada mana-mana orang kecuali dengan persetujuan bertulis Bank terlebih dahulu.

Kesalahan Undang-undang (Illegality)

35. Apa-apa terma atau syarat di dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini yang tidak boleh dikuatkuasa tidak akan menjejaskan terma-terma & syarat-syarat lain.

Akaun Dorman

36. (i) Akaun yang tidak mempunyai apa-apa deposit dan pengeluaran wang untuk satu tempoh berterusan sepanjang 12 bulan (kecuali deposit dan pengeluaran wang yang diinisiasikan oleh Bank) akan diklasifikasikan oleh Bank sebagai dormant. Akaun yang dormant untuk satu tempoh berterusan selama 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut dan akan dikendalikan selaras dengan peruntukan-peruntukan untuk wang yang tidak dituntut.
- (ii) Pelanggan tidak boleh melakukan transaksi ke atas akaun dormant sehingga Pelanggan mengaktifkan semula akaun tersebut di kaunter Bank sebelum akaun tersebut diklasifikasikan sebagai wang yang tidak dituntut.

Frod

37. Pelanggan bersetuju untuk bekerjasama dengan Bank dan polis di dalam percubaan untuk memulihkan apa-apa kerugian akibat daripada Bank bertindak ke atas arahan-arahan yang mana Pelanggan kemudiannya memaklumkan Bank bahawa ianya adalah tidak diberikan atau diberikuasa oleh Pelanggan. Pelanggan bersetuju kepada pendedahan maklumat mengenai Pelanggan dan/atau akaun Pelanggan oleh Bank kepada polis atau pihak-pihak ketiga termasuk di dalam prosiding undang-undang, jika Bank berpendapat bahawa ianya akan membantu untuk mencegah atau memulihkan kerugian.

Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar

38. Pelanggan mengakui bahawa:
- (i) fi-fi dan caj-caj yang terpakai boleh dijumpai di dalam Tarif dan Caj-caj Bank pada laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my (sepertimana yang dikemaskinikan dari masa ke semasa) dan borang-borang yang merupakan sebahagian daripada Terma-terma & Syarat-syarat Generik di sini dan terikat ke atas Pelanggan, dan Bank merizabkan hak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula dari masa ke semasa fi-fi dan caj-caj tersebut seperti mana yang difikirkan sesuai di dalam budibicara Bank dan mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan fi-fi dan caj-caj yang terpakai; dan
- (ii) kadar faedah yang terpakai untuk deposit-deposit boleh dijumpai di laman web Bank di www.hsbcamanah.com.my (sepertimana yang dikemaskinikan dari masa ke semasa).

Bidangkuasa

39. Pelanggan menyerahkan dirinya kepada bidangkuasa tanpa eksklusif Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.

Pematuhan Shariah

40. Semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank adalah disahkan sebagai mematuhi Shariah menurut prinsip-prinsip Shariah yang dinyatakan.

Tajuk-tajuk Klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran kepada Klausa-klausa

Kandungan

1. Penyata-penyata Akaun
2. Pencantuman & Penolakan
3. Butir-butir Pelanggan dan Aku Janji
4. Akaun-akaun Bersama
5. Akaun Korporat/ Liabiliti Terhadap Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
6. Operasi Akaun Korporat/ Liabiliti Terhadap Perkongsian/ Perkongsian Konvensional
7. Pindaan ke atas Terma-terma & Syarat-syarat
8. Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan
9. Penggantungan/ Penutupan Akaun
10. Mengumpul, Memproses dan Berkongsi Maklumat Pelanggan
11. Perakaman Pita
12. Dokumen Pengurusan
13. "Memahami Pelanggan Anda"
14. Pematuhan Cukai
15. Kemungkinan Terma-terma & Syarat-syarat
16. Aduan-aduan Pelanggan
17. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan
18. Penggunaan kad ATM
19. Deposit-deposit Cek & Tunai
20. Cek Matawang Asing
21. Penghantaran Wang Masuk (Inward)
22. Penghantaran Wang Ke Luar
23. Melaksanakan Arahan-arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang
24. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Periodic)
25. Perkhidmatan-perkhidmatan Bayaran Otomatik
26. Kedahuluan Bayaran
27. Arahan-arahan Pelanggan
28. Di Luar Kawalan Bank
29. Telekomunikasi
30. Gantirugi Daripada Pelanggan
31. Perbelanjaan Undang-undang
32. Konflik & Peraturan Kedahuluan
33. Notis-notis
34. Tiada Pengabaian
35. Kesalahan Undang-undang (Illegality)
36. Akaun Dorman
37. Frod
38. Fi-fi, Caj-caj & Kadar-kadar
39. Bidangkuasa
40. Pematuhan Syariah
41. Definisi-definisi

Terma-terma & Syarat-syarat Generik (Edisi Oktober 2018)

Definisi-definisi

41. Bagi tujuan Fasal 8, 10, 14 dan 32:-

"Pihak-pihak Berkuasa" termasuk mana-mana kehakiman, pentadbiran, badan awam atau berperaturan, mana-mana kerajaan, mana-mana Pihak Berkuasa Cukai, sekuriti atau pertukaran masa depan, mahkamah, bank pusat atau badan penguatkuasaan undang-undang, atau mana-mana ejen mereka yang mempunyai bidangkuasa ke atas mana-mana ahli Kumpulan HSBC.

"Pematuhan Obligasi" bermaksud obligasi-obligasi yang Kumpulan HSBC harus patuhi: (1) Undang-undang atau garis panduan antarabangsa dan polisi atau prosedur dalaman, (2) apa-apa permintaan dari Pihak-pihak Berkuasa atau pelapor, pendedahan atau obligasi lain di bawah Undang-undang, dan (3) Undang-undang yang menghendaki Bank untuk mengesahkan identiti pelanggan-pelanggan.

"Orang yang Berhubungkait" bermaksud seseorang atau satu entiti (selain daripada Pelanggan) yang mana maklumat (termasuk Data Peribadi atau Maklumat Cukai) yang diberikan oleh, atau bagi pihak, Pelanggan kepada mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC atau yang mana adalah sebaliknya diterima oleh mana-mana ahli dari Kumpulan HSBC berkenaan dengan penyediaan apa-apa akaun, produk dan/atau Perkhidmatan. "Seseorang Yang Berhubungkait" boleh termasuk, tetapi tidak terhad kepada, mana-mana penjamin atau pembekal sekuriti, pemegang saham, seorang pengarah atau pegawai syarikat, penjamin atau pembekal sekuriti, rakan kongsi atau ahli-ahli rakan kongsi, pemegang jawatan, mana-mana penandatangani, pengguna, wakil atau pentadbir sistem mana-mana "pemilik besar", "orang yang mengawal", atau pemilik benefisial, pemegang amanah, pembuat atau pelindung amanah, pemegang akaun bagi akaun yang ditetapkan, penerima bayaran bagi bayaran yang ditetapkan, wakil, ejen atau penama bagi Pelanggan, atau mana-mana orang atau entiti lain yang mempunyai hubungkait kepada Pelanggan yang berkaitan kepada hubungan Pelanggan dengan Kumpulan HSBC.

"orang yang mengawal" bermaksud individu-individu yang mengawal sesebuah entiti. Bagi sesuatu amanah, mereka adalah pembuat amanah, pemegang amanah, pelindung amanah, benefisiari atau kelas benefisiari, dan mana-mana individu lain yang menjalankan kawalan muktamad dan berkesan ke atas amanah, dan bagi entiti selain daripada amanah, mereka ini merupakan orang yang mempunyai kedudukan kawalan yang sama atau serupa.

"Maklumat Pelanggan" bermaksud (1) Data Peribadi, (2) maklumat sulit (termasuk maklumat mengenai Pelanggan, akaun Pelanggan, urusan-usniaga dan penggunaan produk dan Perkhidmatan Bank, dan hubungan Pelanggan dengan Kumpulan HSBC) dan/atau (3) Maklumat Cukai sama ada Pelanggan atau Seseorang Yang Berhubungkait.

"Jenayah Pembiayaan" bermaksud penggubahan wang haram, pembiayaan untuk keganasan, sogokan, rasuah, pengelakan cukai, penipuan, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan, dan/atau apa-apa tindakan atau percubaan untuk memintas atau melanggar mana-mana Undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini.

"Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan" bermaksud pengesanan, penyiasatan, laporan dan pencegahan Jenayah Kewangan.

"Kumpulan HSBC" bermaksud HSBC Holdings plc, syarikat sekutunya, subsidiarinya, entiti bersekutu dan mana-mana cawangan dan pejabat (bersama-sama atau secara individu), dan "ahli(-ahli) Kumpulan HSBC" mempunyai maksud yang sama.

"Undang-undang" termasuk mana-mana undang-undang tempatan atau asing, peraturan, penghakiman atau perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, perjanjian di antara mana-mana ahli Kumpulan HSBC dan Pihak Berkuasa, atau perjanjian atau persetujuan di antara Pihak-pihak Berkuasa dan bersesuaian dengan Bank atau ahli dari Kumpulan HSBC.

"Data Peribadi" bermaksud apa-apa maklumat berkaitan dengan seseorang individu di mana individu tersebut boleh dikenalpasti termasuklah apa-apa luahan pandangan mengenai individu tersebut.

"Perkhidmatan" termasuk kemudahan-kemudahan pembiayaan dan perbankan, dan perkhidmatan perbankan yang lain.

"pemilik besar" bermaksud mana-mana individu yang berhak kepada lebih 10% keuntungan atau dengan faedah melebihi 10% di dalam sesebuah entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Pihak Berkuasa Cukai" bermaksud cukai tempatan atau asing, pihak berkuasa hasil atau hasil atau kewangan.

"Borang Pengesahan Cukai" bermaksud apa-apa borang atau dokumen lain yang mungkin dikeluarkan atau dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Cukai atau Bank dari masa ke semasa untuk mengesahkan status cukai Pelanggan atau Seseorang yang Berhubungkait.

"Maklumat Cukai" bermaksud dokumen atau maklumat mengenai status cukai Pelanggan dan status cukai mana-mana pemilik, "orang yang mengawal", "pemilik besar", atau pemilik benefisial Pelanggan, bahawa Bank menyifatkan, bertindak secara munasabah, adalah perlu dipatuhi (atau menunjukkan pematuhan, atau menghindari ketidakpatuhan) dengan mana-mana obligasi ahli dari Kumpulan HSBC kepada mana-mana Pihak Berkuasa Cukai. "Maklumat Cukai" termasuk, tetapi tidak terhad kepada, maklumat mengenai: kediaman cukai dan/atau tempat organisasi (jika berkenaan), domisil cukai, nombor pengenalan cukai, Borang Pengesahan Cukai, Data Peribadi tertentu (termasuklah nama(-nama), alamat(-alamat) kediaman, umur, tarikh lahir, tempat lahir, kewarganegaraan).